

**TATACARA SOAL SIASAT SUSPEK KES JENAYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI
DI MALAYSIA**

Wafaa’ binti Yusof

**Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
University Kebangsaan Malaysia**

Pendahuluan

Tatacara siasatan yang diperuntukkan dalam statut perundangan tatacara jenayah syariah negeri-negeri adalah dalam bentuk yang umum. Pegawai penguat kuasa agama hanya akan memulakan satu siasatan apabila satu aduan atau maklumat telah diterima, atau mensyaki satu kesalahan jenayah telah dilakukan atau menerima arahan daripada hakim. Tatacara siasatan bagi kes yang melibatkan kesalahan tidak boleh ditangkap dan kesalahan boleh ditangkap adalah berbeza. Pengadu atau pemberi maklumat akan dikemukakan ke hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah untuk dibuat pemeriksaan pengadu jika pegawai penguat kuasa agama mendapati daripada aduan yang dibuat oleh pengadu satu kes kesalahan tidak boleh ditangkap telah berlaku. Menurut peruntukan seksyen 75, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003¹ contohnya, hakim boleh sama ada menyiasat hal itu sendiri atau mengarahkan seorang pegawai penguat kuasa agama supaya membuat siasatan bagi maksud menentukan kebenaran atau kepalsuan sesuatu aduan dan melaporkan kepadanya hasil siasatan itu. Sementara seksyen 55(2)² pula menunjukkan keputusan samada satu siasatan lanjut perlu dilakukan atau tidak adalah terletak pada penilaian dan keputusan Ketua Pendakwa Syarie yang terhasil daripada penelitian terhadap pemeriksaan pengadu tersebut.

Ketua pegawai penguat kuasa agama sebaliknya hendaklah menghantar satu laporan kepada Ketua Pendakwa Syarie dan mengarahkan salah seorang daripada pegawainya ataupun dia sendiri untuk ke lokasi kejadian jenayah jika satu kes kesalahan boleh ditangkap dikesan dan disyaki telah berlaku melalui maklumat dan aduan yang diterima. Tindakan ini sebenarnya merupakan siasatan awal terhadap maklumat dan aduan tersebut untuk memastikan suatu kes jenayah sememangnya telah berlaku melalui penemuan fakta-fakta dan bukti-bukti berkaitan serta penemuan suspek jenayah yang diadukan. Kebiasaannya tatacara siasatan ini melibatkan kes jenayah yang tidak berat dan suatu kes yang tidak perlu dilaporkan kepada Ketua Pendakwa Syarie sebelum bertindak. Malahan pegawai penguat kuasa boleh mengabaikan kes tersebut jika tiada alasan yang mencukupi untuk bertindak selanjutnya.

Peringkat siasatan seterusnya melibatkan soal siasat saksi dan suspek. Peringkat ini yang menjadi fokus utama penulis kerana soal siasat ini merupakan peringkat siasatan jenayah yang melibatkan individu suspek itu sendiri dan yang banyak menimbulkan konflik dalam pelaksanaannya. Peruntukan jelas menyediakan tatacara soal siasat saksi secara umumnya namun tidak soal siasat suspek. Tatacara soal siasat suspek tidak begitu jelas dalam peruntukan yang sedia ada dalam enakmen-enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri dan begitu juga secara amalan di bawah bidang kuasa penguat kuasa agama. Oleh itu, analisis setiap peruntukan berkaitan perlu dibuat dan begitu juga amalan-amalan yang berlaku dalam setiap bidang kuasa tersebut.

Kebiasaannya suspek disoal siasat dan diambil keterangannya selepas penangkapan berlaku kerana antara tujuan utama penangkapan ialah untuk membolehkan suspek disoal siasat. Namun tiada peruntukan yang jelas berkaitan tatacara soal siasat terhadap suspek. Peruntukan undang-undang berkaitan tatacara soal siasat di bawah bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri lebih cenderung ke arah soal siasat saksi berbanding soal siasat suspek jenayah. Penekanan tatacara soal siasat terhadap saksi bukan isu yang perlu dipertikaikan dan malahan tidak dinafikan kepentingannya. Namun ketiadaan peruntukan yang lebih jelas berkaitan tatacara soal siasat suspek dan juga amalan pelaksanaannya, gagal mengimbangi

1 Seksyen 75. Penangguhan pengeluaran proses.
Jika Hakim ada keraguan yang munasabah tentang kebenaran sesuatu aduan mengenai sesuatu kesalahan yang dia diberi kuasa mengambil perhatian tentangnya, dia boleh, apabila pengadu itu telah diperiksa, merekodkan sebab dia meragui kebenaran aduan itu dan kemudiannya boleh menangguhkan pengeluaran proses bagi memaksa kehadiran orang yang diadukan itu dan sama ada menyiasat hal itu sendiri atau mengarahkan seorang Pegawai Penguatkuasa Agama supaya membuat siasatan bagi maksud menentukan kebenaran atau kepalsuan aduan itu dan melaporkan kepadanya hasil siasatan itu.

2 Seksyen 55. Tatacara.
(2) Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama boleh, dalam sesuatu kes yang melibatkan kesalahan tak boleh tangkap, menjalankan mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan yang diberikan oleh Bab ini tanpa perintah Ketua Pendakwa Syarie.

keperluan keadilan jenayah.

Kedudukan pernyataan soal siasat suspek sebagai satu keterangan di mahkamah menjadi sebab utama soal siasat suspek tidak diutamakan. Ironinya, pada masa yang sama terdapat beberapa peruntukan menunjukkan soal siasat tetap dilakukan ke atas suspek ini seperti seksyen 60³ dan seksyen 61⁴. Sekaligus mempersoalkan apakah tujuan setiap peruntukan ini digubal jika tidak kerana kepentingan pernyataan suspek yang diperoleh untuk dijadikan keterangan. Seksyen 60(2)⁵ Enakmen menyebut pengecualian pernyataan tertuduh dalam perjalanan suatu siasatan untuk digunakan sebagai keterangan di mahkamah dan seksyen 61 pula memperuntukkan kesan dorongan, ancaman dan janji terhadap pernyataan suspek atau tertuduh ketika dalam siasatan. Sementara peruntukan yang lain memerlukan kepada pentafsiran yang akhirnya menyebabkan penguatkuasaan dan pelaksanaan tatacara soal siasat yang tidak seragam.

Penahanan dan Soal Siasat Suspek

Seksyen 22(2)⁶ dan seksyen 22(3)⁷ Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan penahanan suspek selepas penangkapan dalam tempoh 24 jam dan tindakan membawa suspek ke hadapan hakim mahkamah rendah tanpa kelengahan masa yang perlu serta keadaan yang membolehkan jaminan. Perincian peruntukan tersebut hakikatnya tidak menyebut sedikit pun tentang tatacara soal siasat. Begitu juga dengan seksyen 59(1)⁸ Enakmen yang sama dikatakan memperuntukkan kuasa yang diberi kepada pegawai penguat kuasa agama untuk merekodkan keterangan suspek. Peruntukan tersebut tidak menyebut tentang suspek secara khusus tetapi hanya menyatakan ‘mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu’. Apatah lagi tajuk peruntukan tersebut jelas menyebut ‘Pemeriksaan saksi oleh pegawai penguat kuasa agama’. Walau bagaimanapun, kebanyakan pegawai penguat kuasa agama yang ditemu bual telah mengaitkan peruntukan-peruntukan tersebut dengan tatacara soal siasat suspek (Wafaa’ Yusof, 2017). Persoalannya, bagaimana perkaitan ini dilakukan sedangkan peruntukan tidak menyebut tentang suspek?

Kekaburan peruntukan tersebut telah membuka ruangan kepada pengamal dan penguat kuasa undang-undang menginterpretasikan setiap peruntukan tersebut menurut kefahaman dan kebiasaan amalan mereka. Pentafsiran itulah

3 Seksyen 60. Pernyataan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama tidak boleh diterima sebagai keterangan.
(1) Tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang Pegawai Penguatkuasa Agama dalam perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah Bab ini boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, digunakan sebagai keterangan.

4 Seksyen 61. Tiada dorongan boleh diberikan.
(1) Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama atau orang yang berkuasa boleh memberikan atau membuat apa-apa dorongan, ancaman atau janji kepada mana-mana orang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan untuk mendorong orang itu membuat apa-apa pernyataan yang mempunyai kaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu.
(2) Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama atau orang lain boleh menghalang atau tidak menggalakkan mana-mana orang, dengan apa-apa amaran atau selainnya, dalam perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah Bab ini, membuat apa-apa pernyataan yang dia mungkin bersedia membuatnya atas kemahuannya sendiri.

5 Seksyen 60. Pernyataan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama tidak boleh diterima sebagai keterangan.
(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwa atau pihak pembela, selain daripada tertuduh, Mahkamah hendaklah atas permintaan tertuduh atau Pendakwa Syarie merujuk kepada apa-apa pernyataan yang telah dibuat oleh saksi itu kepada seorang Pegawai Penguatkuasa Agama dalam perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah Bab ini, dan boleh kemudiannya, jika difikirkan oleh Mahkamah suaimanfaat demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinannya, dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu.

6 Seksyen 22. Bagaimana orang yang ditangkap hendaklah diperlakukan dan penahanan yang melebihi dua puluh empat jam.
(2) Tiada pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis boleh menahan dalam jagaan seseorang yang ditangkap tanpa waran selama tempoh yang lebih lama daripada yang munasabah dalam segala hal keadaan kes itu.

7 Seksyen 22. Bagaimana orang yang ditangkap hendaklah diperlakukan dan penahanan yang melebihi dua puluh empat jam.
(3) Tempoh itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke Mahkamah itu.

8 Seksyen 59. Pemeriksaan saksi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama.
(1) Seorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Bab ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

yang membolehkan peruntukan dikaitkan dengan tatacara soal siasat. Kesannya, pelbagai pentafsiran dibuat dan akhirnya menyebabkan pelaksanaan tatacara soal siasat terhadap suspek berbeza-beza dalam kalangan penguatkuasa agama negeri-negeri (Wafaa Yusof, 2017).

Peruntukan yang dinyatakan sebelum ini contohnya, memperuntukkan penahanan selepas satu penangkapan. Suspek tidak akan ditahan tanpa alasan dan tujuan yang munasabah kerana suspek dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Hak-hak mereka perlu diambil kira termasuk perlindungan daripada penahanan yang salah. Penahanan yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut tidak dikuatkuasakan kecuali dengan alasan tertentu bertepatan dengan keperluan serta tuntutan keadilan jenayah. Dengan kata lain, penahanan tidak akan berlaku selepas suatu penangkapan kecuali dengan tujuan untuk membolehkan soal siasat dilaksanakan terhadap suspek.

Pentafsiran peruntukan ini serta amalan penguatkuasaannya menghasilkan dua pendapat yang berbeza dalam kalangan penguat kuasa agama. Pertamanya, siasatan yang berlaku terhadap suspek bukan setakat memeriksa diri atau melakukan pengeledahan diri suspek sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15 dan seksyen 17, malahan menyoal siasat suspek. Soal siasat dilakukan dalam tempoh ini terutama jika melibatkan kes-kes yang berat seperti ajaran sesat (Responden 3, Responden 4, 2013). Sementara keduanya, tidak dinafikan amalan penguatkuasaan tahanan di bawah perundangan tatacara jenayah syariah boleh dikatakan bukan kerana kesalahan jenayah yang dilakukan. Penahanan ini samada disebabkan kegagalan suspek untuk memberi butiran diri untuk direkodkan atau, disebabkan kegagalan suspek untuk mendapatkan jaminan diri atau menyempurnakan bon jaminan atau, disebabkan suspek terpaksa menunggu untuk dibawa ke hadapan hakim (Responden 5, 2014). Pihak penguat kuasa agama hendaklah menyatakan justifikasi tindakan penahanan ini dikuatkuasakan ke atas suspek dalam laporan mereka (Responden 2, 2012). Lazimnya tidak ada soal siasat suspek dilakukan dalam tempoh penahanan 24 jam pertama ini berlandaskan kepada tujuan penahanan seperti yang dinyatakan di atas (Responden 2, 2012).

Pernyataan golongan kedua ini agak bercanggah dengan pernyataan yang menegaskan bahawa suspek boleh dipanggil semula untuk siasatan meskipun bon kehadiran telah ditamatkan menggunakan seksyen 58⁹. Justeru suspek diikat dengan bon kehadiran, penguat kuasa agama tidak terhalang untuk memanggil semula suspek jika ada maklumat atau keterangan yang masih diperlukan dalam siasatan mereka (Responden 2, 2012). Sebagaimana seksyen 59, pengaplikasian peruntukan seksyen 58 terhadap suspek juga boleh dipersoalkan kerana peruntukan jelas menyentuh tentang kuasa penguat kuasa agama atau pegawai penyiasat yang membuat sesuatu siasatan, menghendaki kehadiran mana-mana saksi melalui perintah bertulis. Sekali lagi, frasa ‘mana-mana orang yang berada di dalam Negeri Selangor di mana dia sedang membuat suatu penyiasatan yang, daripada maklumat yang diberikan atau selainnya, didapati mengetahui hal keadaan kes itu’ telah ditafsirkan merangkumi suspek juga (Wafaa’ Yusof, 2017). Apa jua tafsiran yang diberi, sesuatu maklumat atau keterangan tidak akan diperoleh melainkan dengan soal siasat. Oleh demikian, penafian pandangan kedua mengenai keperluan soal siasat ini agak goyah.

Soal Siasat Suspek Sebagai Saksi

Kedudukan seksyen 59 ini boleh disamakan secara tersirat sebagaimana seksyen 112(1)¹⁰ dan 113(1)¹¹ Kanun Tatacara

9 Seksyen 58. Kuasa untuk menghendaki kehadiran saksi.
(1) Seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Bab ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang berada di dalam Negeri Selangor di mana dia sedang membuat suatu penyiasatan yang, daripada maklumat yang diberikan atau selainnya, didapati mengetahui hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.
(2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, Pegawai Penguatkuasa Agama itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Hakim yang boleh sesudah itu menurut budi bicaranya mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Penguatkuasa Agama itu.

10 Pemeriksaan saksi oleh polis
(1) Seorang pegawai polis yang menjalankan penyiasatan polis di bawah Bab ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang tahu tentang fakta-fakta dan keadaan kes, dan akan menurun dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa ini.
Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006, Akta A1274.

11 Penerimaan pernyataan dalam keterangan
(1) Kecuali seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen ini, tiada sebarang pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawaii polis dalam perjalanan penyiasatan polis yang dibuat di bawah Bab ini boleh digunakan dalam keterangan.
Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006, Akta A1274.

Jenayah (Pindaan) 2006, Akta A1274 yang melibatkan bukan sahaja tatacara siasatan terhadap saksi bahkan juga suspek. Frasa ‘mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu’, seksyen 112(1) dan ‘tiada sebarang pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai polis....’, seksyen 113(1), boleh dikatakan bukan sahaja merujuk kepada saksi tetapi juga kepada suspek (Wafaa’ Yusof, 2017). Keterangan suspek dianggap satu keterangan saksi walaupun terhadap dirinya (*self-incriminating*) sehingga satu pertuduhan difailkan terhadapnya (Responden 2, 2012). Oleh itu, peruntukan ini membenarkan soal siasat ke atas suspek dilakukan tetapi sebagai seorang saksi. Penguat kuasa agama boleh mengarahkan suspek hadir ke hadapan mereka untuk disoal siasat sebagai seorang saksi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 58. Walau pun keterangan yang diberi oleh suspek sebagai satu keterangan saksi, namun keterangannya tidak mengikat dan tidak diterima pakai di mahkamah sebagaimana juga keterangannya sebagai seorang suspek (Responden 2, 2012). Amaran (*caution*) oleh yang demikian, tidak diperlukan sebelum soal siasat dilakukan terhadap suspek dalam kes jenayah syariah sebagaimana dalam kes jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau bidang kuasa mahkamah awam sivil sebelum pindaan 2006 (Responden 2 2012). Peruntukan berkaitan perkara tersebut tidak pernah diadakan dalam peruntukan undang-undang tatacara jenayah syariah negeri-negeri (Wafaa’Yusof 2017).

Pada dasarnya pernyataan yang diberi oleh saksi-saksi kepada pegawai penguat kuasa agama tidak boleh diguna pakai sebagai satu keterangan di mahkamah kecuali dalam keadaan-keadaan yang dijelaskan dalam peruntukan seksyen 60, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Keadaan tersebut membenarkan pernyataan saksi-saksi ini digunakan sebagai satu keterangan di mahkamah atas permintaan pihak pendakwa atau pihak pembela. Malah keterangan saksi-saksi dikatakan mengikat di mahkamah dan memerlukan amaran (*caution*) sebelum soal-siasat dilakukan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 59 (Responden 2, 2012). Namun penulis berpendapat pernyataan dalam seksyen 59 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang dimaksudkan tersebut bukan suatu amaran (*caution*) sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia sebelum pindaan 2006, tetapi ia lebih menyamai pernyataan dalam seksyen 112 dari Kanun yang sama. Lagipun amaran (*caution*) sepatutnya hanya digunakan terhadap suspek sahaja dan bukannya saksi. Malahan amaran (*caution*) hanya boleh dikuatkuasakan setelah penangkapan berlaku dan tidak mungkin ada penangkapan ke atas saksi. Hakikatnya, isu amaran (*caution*) ini tidak timbul lagi di bawah bidang kuasa pihak polis selepas pindaan 2006. Amalan yang sekian lama dikuatkuasakan di bawah bidangkuasa penguat kuasa agama dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri telah diadaptasi oleh bidang kuasa pihak polis dan Kanun Prosedur Jenayah Malaysia.

Terdapat kekeliruan antara dua peruntukan di atas dan penerangan dari sudut amalan yang berlaku. Seksyen 59 seperti yang dinyatakan menyediakan satu tatacara siasatan terhadap saksi atau mungkin juga suspek. Mereka adalah terikat untuk menjawab segala soalan berkaitan dengan kes yang diajukan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa dan untuk bercakap benar sebagaimana dijelaskan di bawah seksyen 59(2) dan (3) dan hendaklah diberitahu terlebih dahulu kepada mereka sebelum soal siasat bermula. Keterangan saksi termasuk suspek yang dianggap sebagai saksi, semasa soal siasat ini walau bagaimanapun tidak boleh dijadikan keterangan di mahkamah di bawah seksyen 60 kecuali dalam keadaan yang diperuntukkan tersebut. Persoalannya:

- i. Apakah tujuan seksyen 59 sehingga menetapkan keperluan kepada kepatuhan untuk menjawab soalan dan bercakap benar sebelum soal siasat diadakan jika pernyataan yang dikemukakan tidak boleh diterima pakai sebagai keterangan, atau hanya terikat dalam dua pengecualian tersebut sahaja?
- ii. Peruntukan ini jelas mengikat ‘mana-mana orang’ yang dimaksudkan dalam peruntukan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh penguat kuasa agama serta bercakap benar dan ini termasuk suspek sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, tatacara ini secara amalannya tidak menjadi satu kemestian terhadap suspek. Suspek tidak semestinya dipanggil untuk memberi keterangan dan ketiadaan keterangan daripadanya bukanlah satu masalah kerana keterangan suspek sememangnya tidak boleh dibawa ke mahkamah. Setiap keterangan mahupun pengakuan suspek semasa soal siasat yang dijalankan tetap direkodkan dan dicatat walaupun tidak mengikat di mahkamah. Suspek tidak ditegah atau dilarang untuk memberi keterangan ataupun pengakuan. Tindakan ini dikatakan untuk tidak menafikan hak tertuduh untuk menyatakan bahawa dia tidak bersalah dan pihak penguat kuasa berkewajipan untuk menerangkan kepada suspek bahawa pernyataan atau pengakuannya diambil dan direkodkan tetapi tidak boleh digunakan sebagai satu keterangan di mahkamah kelak (Responden 2, 2012). Tindakan ini bertepatan dengan *maqāṣid shar‘iyyah* dan kaedah umum dalam *fiqh* jenayah, *al-aṣl barā’atu al dhimmah* (الأصل براءة الذمة) iaitu seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dia disabitkan dengan satu kesalahan jenayah. Pendapat yang sama telah dikemukakan oleh Zulfakar Haji Ramlee apabila beliau menulis bahawa “Kemungkinan besar mengapa ‘pernyataan’ ini tidak boleh dijadikan keterangan adalah bagi menjamin tertuduh agar tidak disabitkan sebelum dibuktikan, dan mengelakkan tertuduh daripada dihukum di bawah Seksyen 215 APJS” (Zulfakar Haji Ramlee, 2001). Frasa ‘mana-mana orang’ dalam peruntukan tersebut yang melibatkan suspek selain saksi, menimbulkan persoalan kerana peruntukan menyatakan dengan jelas bahawa ‘mana-mana orang’ tersebut ‘terikat’ untuk menjawab segala soalan yang diajukan dan bercakap benar tetapi pada masa yang sama ia menjadi pilihan jika melibatkan suspek samada untuk memberi keterangan ataupun tidak. Perkataan ‘kemungkinan’ yang diguna oleh Zulfakar menunjukkan

satu andaian sahaja dan bukannya suatu yang pasti. Malahan tidak mungkin suspek disabitkan hanya dengan pernyataan bahkan pengakuan yang diberi kepada pegawai penyiasat. Pernyataan dan pengakuan suspek tidak cukup untuk membuktikan kebersalahan suspek sebagaimana yang dibuktikan dalam beberapa analisis *ḥadīth*, *sunnah* dan *āthār* para *Ṣaḥābah* (Wafaa’ Yusof, 2017).

Lagipun, penguat kuasa agama tidak berbidang kuasa atau mempunyai hak untuk mensabitkan seseorang dengan jenayah walaupun ada bukti dan keterangan yang kukuh di pihak mereka. Tugas dan tanggungjawab yang terangkum di bawah bidang kuasa mereka ialah mengumpul segala bukti dan keterangan yang ada untuk dikemukakan kepada Bahagian Pendakwaan dan bukannya mensabitkan suspek dengan jenayah. Pihak Pendakwa Raya Syarie bertanggungjawab menilai segala bukti dan keterangan yang diperolehi dan meneruskan sebutan kes di mahkamah jika didapati daripada bukti dan keterangan tersebut wujud satu kes *prima facie*. Seterusnya, mahkamah yang memutuskan samada bukti dan keterangan itu boleh diterima pakai untuk mensabitkan suspek atau tertuduh dengan jenayah (Responden 3, Responden 4, 2013). Oleh itu, penulis merumuskan, tidak timbul masalah kekhuatiran suspek disabitkan sebelum dibuktikan bersalah di sini. Seterusnya menjadikan situasi ini justifikasi menidakkan penafian kebolehterimaan pernyataan suspek sebagai satu keterangan di mahkamah yang secara tidak langsung hakikatnya menafikan tatacara soal siasat ke atas suspek. Akhirnya, situasi ini menampilkan konflik antara amalan dan peruntukan yang sedia ada (Wafaa’ Yusof, 2017).

Soal siasat bebas daripada dorongan

Jika dianalisis setiap peruntukan berkaitan tatacara siasatan ini hanya satu peruntukan iaitu seksyen 61 yang menyebut dengan jelas perkaitan tatacara siasatan dengan suspek atau tertuduh. Peruntukan-peruntukan yang lain pula lebih menekankan tentang soal-siasat pengadu dan saksi serta tindakan-tindakan oleh pihak berkuasa berkaitan dalam siasatan sesuatu kes jenayah.

Peruntukan ini menafikan amalan bahawa suspek tidak disoal siasat kecuali untuk mendapatkan butiran diri sahaja sebagaimana yang didakwa. Setiap dorongan, ancaman atau janji jelas berlaku ketika soal siasat berlangsung dan dengan kata lain masih berada di bawah bidang kuasa penguat kuasa agama dan bukannya mahkamah. Dorongan, ancaman dan janji jelas berlaku kepada apa-apa pernyataan yang mempunyai kaitan dengan pertuduhan terhadap suspek. Tidak mungkin tindakan-tindakan tersebut berlaku ketika butiran diri suspek diambil kerana butiran ini hanya untuk memastikan status suspek sahaja. Pernyataan orang yang dituduh atau suspek jika dipengaruhi dorongan, ancaman atau janji tidak boleh diterima pakai sebagai satu keterangan di mahkamah. Ini bermakna jika sebaliknya pernyataan suspek ini diterima pakai sebagai keterangan di mahkamah. Pernyataan suspek hendaklah dilakukan dengan rela hati dan atas kemahuannya sendiri (Wafaa’ Yusof, 2017).

Pernyataan dan pengakuan suspek sebagai *qarīnah*

Adakah setiap pernyataan yang dibuat oleh suspek dalam tempoh soal siasat dianggap sebagai pengakuan dan oleh itu bersalahan dengan seksyen 62 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) contohnya? Penulis lebih bersetuju untuk menegaskan bahawa pernyataan yang dibuat tersebut tidak semestinya satu pengakuan (*confession*) tetapi mungkin sekadar satu pernyataan ringkas tentang kedudukannya ketika jenayah berlaku dan mampu menjadi satu keterangan yang menyokong atau sebagai pengakuan (*admission*) tentang keberadaannya. Pernyataan sedemikian hakikatnya membentuk fakta walaupun mungkin tidak menjadi persoalan tetapi berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama atau dikatakan sebagai *qarīnah* (Seksyen 6 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003). Justeru itu, pengakuan (*admission*) sebegini bukan bukti muktamad (*conclusive*) kerana ia perlu dikaitkan dengan fakta persoalan dan fakta relevan.

Apakah perbezaan antara pengakuan (*admission*) dan pengakuan (*confession*)? Pengakuan (*admission*) merupakan pernyataan yang cenderung ke arah membuktikan rasa bersalah. Sebaliknya, pengakuan salah (*confession*) adalah pernyataan disokong sepenuhnya dan suspek menerima tanggungjawab peribadi kerana melakukan jenayah. Pengakuan (*confession*) adalah pengakuan bersalah yang sempurna dalam prosiding jenayah dan pengakuan (*admission*) adalah pernyataan fakta sama ada kes sivil atau kes jenayah. Kesan pengakuan ini juga berbeza dengan pengakuan salah. Pihak yang membuat pengakuan (*admission*) boleh dianggap benar sehingga akasnya dibuktikan dan ia dianggap keterangan yang lemah. Pengakuan (*admission*) ini lebih banyak terhasil ketika soal siasat berbanding dengan pengakuan salah (*confession*). Kebanyakan suspek yang membuat pengakuan (*admission*) dalam satu soal siasat contohnya, mengakui kemungkinan dia yang melakukan jenayah, sebenarnya boleh dianggap bersalah atas jenayah yang disiasat. Walaupun demikian, untuk menggunakan pengakuan (*admission*) tersebut sebagai alasan untuk mengetepikan kes atau sebagai sesuatu yang penting untuk pendakwaan, boleh menyebabkan tindakan pelepasan dan pembebasan yang salah atau satu kegagalan pendakwaan.

Pengakuan (*admission*) sebegini diambil kira di kebanyakan bidang kuasa jenayah termasuk di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah awam sivil (Seksyen 17(1), Akta Keterangan Malaysia 1950). Berbeza dengan bidang kuasa jenayah

syariah yang hanya menyentuh tentang pengakuan (*iqrār/confession*) sahaja. Sementara pengakuan (*admission*) tidak diperuntukkan langsung samada di dalam undang-undang jenayah syariah, tatacara jenayah syariah ataupun undang-undang keterangan mahkamah syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah awam sivil. Bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri tidak membezakan secara khusus antara pengakuan (*admission*) dan pengakuan (*confession*). Hanya peruntukan undang-undang keterangan mahkamah syariah negeri-negeri menyebut mengenai pengakuan (*iqrār/confession*) di bawah Seksyen 17¹² dan mengaplikasikannya dalam kes-kes jenayah syariah dan juga kes-kes mal. Peruntukan ini juga menjelaskan kedudukan sesuatu *iqrār* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan sebagai *qarīnah*. Pernyataan yang membentuk *iqrār* sebegini boleh menjadi keterangan (*bayyinah*) dan terpulang kepada hakim syarie untuk menilainya. Oleh itu, penulis melihat pernyataan suspek yang membentuk pengakuan ketika soal siasat dilaksanakan adalah lebih merujuk kepada pengakuan (*admission*) dan bukannya pengakuan (*iqrār*) (Wafaa’ Yusof, 2017).

Apabila dikatakan setiap pernyataan yang dibuat adalah satu pengakuan (*iqrār/confession*) maka timbul persoalan tidakkah pengakuan itu ada tatacaranya untuk membolehkannya diterima dan sebagai contohnya mesti dimulai dengan sumpah? Memang wajar pengakuan ini dilakukan di hadapan seorang hakim tetapi adakah Islam mensyaratkan pengakuan itu hanya boleh dibuat di hadapan seorang hakim barulah pengakuan itu diterima sebagai satu keterangan? Mungkin kewajaran berlaku atas dasar tuntutan *maqāsid shar‘iyyah* dalam keadilan jenayah syariah untuk menjamin keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat dan menjauhi kemudaratan yang mungkin timbul daripada pelaksanaan tatacara sumpah oleh pihak penguat kuasa. Bukan sahaja bidang kuasa jenayah syariah menetapkan pengakuan salah hendaklah dibuat di hadapan hakim syarie bahkan bidang kuasa jenayah di bawah mahkamah awam sivil juga menetapkan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, penulis melihat pengakuan (*iqrār/confession*) yang dimaksudkan adalah lebih kepada pengakuan (*admission*). Namun begitu, penulis berpendapat bahawa keperluan kepada pernyataan awal suspek perlu dinilai kembali kerana pernyataan sedemikian tidak bertentangan dengan sebarang hukum keterangan Islam sebagai satu keterangan yang menyokong (*corroborative evidence*) dan bukannya satu keterangan utama (*primary evidence*).

Kesimpulan

Kekaburan peruntukan undang-undang berkaitan tatacara soal siasat suspek kes jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia menimbulkan banyak persoalan. Malahan kajian menunjukkan ada pelbagai pandangan dan amalan berkaitan soal siasat suspek dalam kalangan penguat kuasa agama. Keadaan ini menyebabkan ketidakselarasan tindakan penguatkuasaan soal siasat suspek dan akhirnya ketidakadilan kepadanya. Oleh itu, suatu peruntukan undang-undang berkaitan soal siasat suspek yang lebih jelas perlu digubal bagi mengekang kepelbagaian interpretasi yang mengelirukan terhadap peruntukan yang sedia ada.

RUJUKAN

Responden 2. 2012. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Kanak-kanak. Temu bual, 6 Jun.

Responden 3. 2013. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak. Temu bual, 17 Julai.

Responden 4. 2013. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak. Temu bual, 17 Julai.

Wafaa’ binti Yusof. 2017. Tatacara pra perbicaraan jenayah syariah terhadap suspek kanak-kanak: analisis perundangan di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Undang-undang: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulfakar Ramlee. 2001. Penyiasatan menurut acara jenayah syariah di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Pendakwaan di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: IKIM. 23-24 Julai.

12 Seksyen 17. Iqrar ditakrifkan.

(1) Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Apa-apa iqrar hendaklah dibuat—

(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau

(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan ‘adil.(3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.